

10/07/2003

Gerakan masih perlukan Keng Yaik

KUALA LUMPUR: Gerakan masih memerlukan Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng

Yaik menerajui parti berkenaan bukan saja untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Malah, Naib Presiden Gerakan, Senator Dr Vijayarajnam, berkata khidmat Dr Lim juga diperlukan untuk memastikan kelangsungan perjuangan parti itu.

Beliau berkata, ini kerana masih banyak perkara perlu dilakukan, terutama bagi memperkemas organisasi parti berkenaan sebagai antara tunggak komponen Barisan Nasional (BN).

Dr Vijayarajnam berkata, pada usia 64 tahun sekarang, Dr Lim masih mempunyai kekuatan fizikal dan mental untuk memimpin Gerakan ke arah pemantapan struktur parti, sekali gus memastikan sokongan padu ahli dan penyokong parti berkenaan.

"Projek pembinaan Universiti Terbuka Wawasan dan Menara Gerakan II memerlukan kepimpinan beliau. Jika beliau bersara sekarang, sukar untuk parti meneruskan kedua-dua projek itu," katanya ketika dihubungi di Seremban, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Dr Lim bahawa beliau sudah lama menyuarakan hasrat untuk bersara dalam politik dan kerajaan.

Kelmarin, Dr Lim berkata, beliau menyatakan hasratnya itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum Perdana Menteri mengumumkan peletakan jawatannya, Jun tahun lalu.

Dua tahun lalu, Dr Lim pernah mengumumkan bahawa beliau akan bersara sebagai menteri dalam masa terdekat bagi menumpukan perhatian kepada kerja politik. Bagaimanapun, Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) Gerakan meminta beliau supaya tidak menyuarakan hasratnya itu secara terbuka.

Dr Vijayarajnam berkata, tidak semestinya apabila Dr Mahathir menyatakan hasrat untuk bersara selepas Oktober ini dan peletakan jawatan bekas Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik bulan lalu, menyebabkan Dr Lim juga harus bersara.

Sementara itu, Ahli CWC Gerakan yang juga Exco Selangor, Datuk Lum Weng

Keong yakin ahli dan penyokong Gerakan di peringkat akar umbi tidak merestui jika Dr Lim ingin bersara sekarang.

"Parti masih memerlukan beliau untuk terus memberikan sumbangan idea dan kepimpinan. Bagaimanapun, ini bukan bermakna parti ketandusan pemimpin pelapis," katanya.